

RESEARCH ARTICLE

APLIKASI MODEL KAUNSELING AL-GHAZALI DALAM KALANGAN GURU BIMBINGAN DAN KAUNSELING

(The Application of Al-Ghazali's Counseling Model Among Guidance and Counseling Teachers)

Mohd Khir Johari Abas, Md Noor Saper*, Nurul Ain Mohd Daud

Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Kampus Sultan Azlan Shah, 35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia

ABSTRACT - This study examines the application of al-Ghazali's counseling model among Guidance and Counseling Teachers in Malaysia. Utilizing a multi-site case study approach, this research evaluates the extent to which al-Ghazali's tazkiyah al-nafs (spiritual purification) model is implemented in counseling interventions, particularly in addressing students' psychospiritual issues. Data were collected through semi-structured interviews with 19 Muslim counselors and analyzed thematically using NVivo 12. The findings revealed four key themes: (1) initiating sessions with intention, supplication, and goal setting, (2) identifying root causes of issues through the lens of worship practices and spiritual well-being, (3) spiritual interventions focused on strengthening religious practices and self-reflection, and (4) assessing therapeutic outcomes through behavioral changes and commitment to religious practices. The study demonstrates that a standalone Islamic counseling model based on Al-Ghazali's framework offers a comprehensive approach integrating emotional, cognitive, and spiritual dimensions to enhance students' psychological well-being. The study's implications highlight the necessity for intensive training for counselors in mastering tazkiyah al-nafs techniques and the need for a standardized procedural manual to enhance the implementation of Islamic counseling in schools. This research contributes to the literature on value-based Islamic counseling and provides an alternative psychospiritual intervention model for modern education.

ABSTRAK – Kajian ini menganalisis aplikasi model kaunseling al-Ghazali dalam kalangan Guru Bimbingan dan Kaunseling di Malaysia. Dengan menggunakan pendekatan kajian kes pelbagai lokasi, kajian ini menilai sejauh mana model tazkiyah al-nafs al-Ghazali diterapkan dalam intervensi kaunseling, khususnya dalam menangani isu psiko spiritual pelajar. Kaedah temu bual separa berstruktur dengan 19 orang kaunselor Muslim digunakan bagi memperoleh data empirikal, yang dianalisis secara tematik menggunakan perisian NVivo 12. Hasil kajian menunjukkan empat tema terhasil: (1) sesi dimulakan dengan niat, zikir, dan penetapan matlamat, (2) identifikasi punca masalah melalui aspek ibadah dan hati, (3) rawatan spiritual berasaskan peningkatan ibadah dan refleksi sendiri, serta (4) penilaian kesan terapi melalui perubahan tingkah laku dan komitmen terhadap ibadah. Dapatan kajian membuktikan bahawa kaunseling Islam tunggal berdasarkan model al-Ghazali dapat memberikan pendekatan menyeluruh yang merangkumi aspek emosi, kognitif, dan spiritual bagi meningkatkan kesejahteraan psikologi pelajar. Implikasi kajian menekankan keperluan latihan intensif bagi kaunselor dalam menguasai teknik penyucian jiwa (tazkiyah al-nafs) serta keperluan manual prosedur standard bagi memperkasa pelaksanaan kaunseling Islam di sekolah. Kajian ini menyumbang kepada literatur kaunseling berteraskan nilai Islam dan menawarkan alternatif model intervensi psiko spiritual dalam pendidikan moden.

ARTICLE HISTORY

Received : 26th Oct. 2024

Revised : 30th Jan. 2025

Accepted : 22nd Feb. 2025

Published : 10th June 2025

KEYWORDS

Islamic Counseling

Al-Ghazali's Model

School Counseling

KATA KUNCI

Kaunseling Islam

Model Al-Ghazali

Kaunseling Sekolah

PENDAHULUAN

Perkembangan bidang kaunseling Islam di Malaysia sejak 1980-an telah menyaksikan transformasi signifikan melalui integrasi prinsip Islamik ke dalam kerangka teori dan praktikal (Mohd Azhar et al., 2021; Md Noor, 2018). Kajian empirikal membuktikan keberkesanannya dalam meningkatkan kesejahteraan klien dan profesionalisme kaunselor


(Halimah & Zainab, 2015; Md Noor et al., 2016; Noraniza et al., 2019). Sorotan literatur turut menegaskan bahawa pendekatan berteraskan nilai Islamik mampu menjana solusi menyeluruh dalam menangani isu kerohanian, emosi, dan sosial klien (Ruslan et al., 2020; Mariani & Norhanizah Wati, 2020; Mohd Zaharen et al., 2019).

Aplikasi model al-Ghazali masih kurang diterokai daripada aspek intervensi praktikal dalam sesi kaunseling pelajar (Mohd Azhar et al., 2021). Justeru, kajian ini bertujuan meneliti aplikasi model kaunseling al-Ghazali dalam kalangan Guru Bimbingan dan Kaunseling (GBK) sebagai usaha mengisi jurang antara teori dan praktis. Kajian ini menganalisis tahap pengintegrasian konsep al-Ghazali dalam strategi intervensi GBK dalam konteks pendidikan Malaysia yang pelbagai budaya dan kepercayaan. Signifikan kajian terletak pada potensinya untuk memperkukuh kerangka kaunseling Islamik di peringkat mikro (praktis sesi kaunseling) dan makro (dasar pendidikan), sekaligus menyumbang kepada literatur global berkenaan kaunseling berteraskan nilai tempatan. Dapatan kajian diharap dapat menjadi asas kepada pembangunan modul latihan GBK yang lebih selari dengan keperluan psiko-spiritual pelajar abad ke-21.

SOROTAN LITERATUR

Model Kaunseling Al-Ghazali

Penyucian jiwa (tazkiyah al-nafs) merupakan asas utama dalam pembentukan model kaunseling al-Ghazali (Salasiah et al., 2020). Lima prinsip utama menjadi asas kepada pembinaannya, iaitu bermula daripada proses memahami hakikat diri sendiri (ma'rifah al-nafs), diikuti usaha menyingkirkan sifat-sifat buruk (takhalli), kemudian menghiiasi hati dengan akhlak mulia (tahalli), melaksanakan introspeksi diri secara berterusan (muhasabah), hingga akhirnya memperoleh kebahagiaan hakiki dalam kehidupan dunia dan akhirat (al-sa'adah) (Al-Ghazali, 1998). Pendekatan ini menggunakan mekanisme terapeutik yang dilaksanakan secara bertahap bagi membantu seseorang mencapai kestabilan dalaman serta keharmonian dari segi rohani dan emosi. (Al-Ghazali, 1998). Rajah 1 memberikan gambaran kerangka model kaunseling al-Ghazali.



Rajah 1. Kerangka model kaunseling Al-Ghazali

Pendekatan al-Ghazali dalam membersihkan jiwa menekankan kepentingan ma'rifah an-nafs, iaitu usaha mendalami kefahaman terhadap hakikat diri sendiri sebagai titik permulaan (Al-Ghazali, 2010). Klien perlu dibantu untuk mengenal pasti kelemahan diri secara jelas, di samping meningkatkan kefahaman mereka terhadap keupayaan dan kekuatan yang ada dalam diri masing-masing. (Zuraimy et al., 2023). Untuk mencapai perubahan positif dalam kehidupan, seseorang

mestilah mengenal pasti dengan teliti faktor utama yang mencetuskan sesuatu masalah, merangka langkah-langkah praktikal untuk mengatasinya, serta mempunyai matlamat hidup yang jelas dan terancang. (Yatimah & Mohd Tajudin, 2010). Proses ini hanya akan berjaya sekiranya strategi yang digunakan benar-benar menepati tahap serta memenuhi keperluan khusus klien. Ia memerlukan tahap dedikasi yang tinggi, disiplin yang kuat, serta komitmen berterusan agar objektif yang disasarkan dapat dicapai. Sebagai permulaan, langkah ini sangat penting kerana ia bukan sahaja membentuk asas kukuh bagi peningkatan keyakinan diri klien, tetapi turut membantu mereka memahami dengan jelas realiti kehidupan yang sedang dan bakal merekaalui (Md Noor, 2018).

Walaupun al-Ghazali (1988) tidak menjelaskan secara terstruktur konsep mengenal diri, namun secara keseluruhannya, gagasan ma'rifah al-nafs terangkum dalam empat tema utama. Proses ini melibatkan pemerhatian mendalam terhadap hakikat manusia, bertujuan untuk memahami dirinya secara lebih jelas terutama dalam konteks hubungannya dengan Allah sebagai Pencipta. Elemen yang sama turut diketengahkan oleh Yatimah (2005), Md Noor (2012) dan Salasiah (2018). Ia merangkumi mengenal keistimewaan diri, mengenal matlamat hidup, mengenal pasti masalah diri, serta mengenal pasti tindakan perubahan yang perlu dilakukan untuk mencapai kebahagiaan hakiki (Al-Ghazali, 1988, 1998, 2008a, 2008b, 2010). Aspek utama dalam hal ini ialah kesedaran seseorang mengenai potensi unggul yang dimilikinya, khususnya keupayaan akal yang menjadi perantara penting dalam usaha mengenal Allah (Al-Ghazali, 1988, 2010). Proses ini dinamakan mengenal keistimewaan diri. Menyedari keistimewaan diri merujuk kepada kesedaran seseorang terhadap kelebihan istimewa yang ada padanya, terutamanya potensi akal fikiran yang bertindak sebagai alat utama bagi membantunya mencapai makrifatullah (Md Noor et al., 2016). Menurut Al-Ghazali (1988, 1998, 2008a, 2008b, 2010), mengenal diri juga melibatkan kefahaman yang mendalam mengenai tujuan kewujudan seseorang, merangkumi kesedaran tentang dari mana asal dirinya, mengapa dia diciptakan, serta ke mana akhirnya dia akan kembali setelah tamatnya kehidupan dunia ini. Apabila seseorang memahami hakikat ini dengan jelas, ia akan mencetuskan kesedaran terhadap objektif tertinggi kehidupan manusia, iaitu meraih kebahagiaan hakiki melalui usaha membersihkan hati daripada sifat tercela serta menyucikan jiwa daripada segala kekotoran rohani (Rohaizan et al., 2014). Hakikat ini seiring dengan firman Allah yang menyatakan bahawa tanda-tanda kebesarannya akan diperlihatkan dalam diri manusia sendiri (Quran, 41:53).

Aspek ketiga pula menumpukan kepada kesedaran terhadap kelemahan diri dengan mengakui kewujudan unsur-unsur bersifat haiwani dan syaitan yang wujud secara semula jadi dalam jiwa manusia (Al-Ghazali, 2010, 2008a, 2008b, 1998 & 1988). Sifat-sifat tersebut hanyalah bersifat sementara dan bukanlah merupakan hakikat diri manusia yang sebenar, tetapi merupakan dorongan-dorongan yang mesti dikawal serta ditundukkan. Al-Ghazali (2010) menegaskan bahawa kebahagiaan sebenar tidak dapat dicapai sekiranya manusia gagal mengawal elemen-elemen bersifat kebinatangan dalam diri mereka, khususnya amarah dan syahwat, kerana unsur-unsur ini mampu menguasai serta memperbudak jiwa seseorang jika tidak dikendalikan dengan baik. Al-Ghazali (1988, 1998, 2008a, 2008b, 2010), juga memberi tumpuan terhadap perlunya individu menentukan langkah-langkah perubahan sebagai usaha memperbaiki diri. Proses ini memerlukan disiplin diri melalui latihan berterusan (riyadah al-nafs). Ia sangat berkait rapat dengan usaha melawan hawa nafsu (mujahadah al-nafs), agar jiwa dapat mencapai peringkat tahalli, iaitu pemupukan akhlak mulia (Al-Ghazali, 1998). Hasilnya, hati seseorang akan suci seperti cermin jernih yang mampu menerima serta memancarkan cahaya Ilahi, sekali gus memperoleh kebahagiaan hakiki (al-saadah), yakni mencapai makrifatullah sebagai tujuan utama kehidupan manusia (Al-Ghazali, 2010). Proses menghilangkan sifat negatif atau takhalli pula merupakan langkah berikutnya dalam proses pembinaan diri manusia (Al-Ghazali, 1998, 2006, 2008a, 2010, 2014). Dalam fasa ini, klien memikul tanggungjawab penuh dalam usaha menyingkirkan sikap negatif yang menjadi punca kepada pelbagai konflik dan gangguan dalaman mereka (Md Noor, 2012). Sikap negatif yang dimaksudkan dikenali juga sebagai sifat mazmumah atau sifat tercela, yang mana proses penghapusannya memerlukan usaha mujahadah an-nafs, iaitu perjuangan rohani serta disiplin diri yang tinggi (Al-Ghazali, 1998, 2006, 2008a, 2010, 2014). Proses takhalli ini diklasifikasikan sebagai satu kaedah melawan pengaruh hawa nafsu bagi membebaskan jiwa manusia daripada tingkah laku negatif yang tercetus akibat dorongan hawa nafsu yang tidak terkawal (Al-Ghazali, 1998, 2006, 2008a, 2010, 2014).

Fasa seterusnya merujuk kepada usaha membentuk sikap positif atau dikenali sebagai proses tahalli sebagaimana dikemukakan oleh Al-Ghazali (1998, 2006, 2008a, 2010, 2014). Dalam fasa ini, seseorang akan mula mengisi jiwa yang kosong, kesan daripada pembersihan sifat-sifat negatif sebelumnya, dengan menerapkan pelbagai akhlak mahmudah secara dalaman seperti sikap zuhud, taubat, sabar, takut kepada Allah (khawf), berharap (raja'), ikhlas, tawakal, bersyukur, reda, serta sentiasa mengingati kematian (zikr al-maut) (Salasiah, 2018). Proses ini menuntut usaha yang konsisten melalui latihan rohani yang sistematik dan dilakukan secara berperingkat (riyadah an-nafs). Dengan latihan yang terancang ini, individu mampu mengubah tingkah laku positif yang asalnya sukar dilaksanakan menjadi tabiat yang sebatih dalam kehidupan harian. Akhirnya, kebiasaan baik ini akan berkembang secara bertahap sehingga menjadi sifat peribadi yang mantap dan kekal dalam diri individu tersebut (Al-Ghazali, 1998, 2006, 2008a, 2010, 2014). Proses refleksi sendiri (muhasabah) menjadi peringkat akhir dalam model ini, yang merangkumi penilaian komprehensif terhadap keseluruhan langkah-langkah tazkiyah an-nafs yang dilalui sebelumnya (Al-Ghazali, 1998, 2006, 2008a, 2010, 2014). Melalui refleksi ini, seseorang melakukan introspeksi mendalam bagi menentukan sejauh mana kefahaman terhadap potensi diri serta mengenal pasti secara tepat kekurangan dan kelemahan peribadi yang wujud, di samping mengesan sikap negatif yang perlu dielakkan (Yatimah & Mohd Tajudin, 2010). Selanjutnya, individu turut melakukan penelitian kritikal terhadap pendekatan perubahan yang telah digunakan bagi menghapuskan sifat negatif tersebut, berdasarkan penilaian yang jujur terhadap kelebihan serta kekurangan dirinya sendiri. Akhirnya, penilaian ini turut melibatkan pertimbangan terhadap

tahap keberkesanan usaha seseorang dalam membentuk dan memperkukuhkan sifat-sifat positif dalam dirinya. Oleh itu, refleksi diri ini menjadi proses semakin terperinci tentang keseluruhan manfaat serta kelemahan yang diperoleh hasil daripada amalan tazkiyah al-nafs yang dilaksanakan.

Al-Ghazali berpandangan bahawa tazkiyah al-nafs menghasilkan kebahagiaan hakiki yang merangkumi kehidupan dunia serta akhirat (al-saadah) (Al-Ghazali, 1998, 2006, 2008a, 2010, 2014). Kebahagiaan ini merupakan suatu keadaan jiwa yang telah mencapai tahap penyucian daripada pelbagai penyakit batin, diisi sepenuhnya dengan makrifatullah (kesedaran dan pemahaman mendalam mengenai Allah). Jiwa dalam keadaan ini, yang dikenali sebagai nafs al-mutma'innah, bersedia untuk kembali kepada Allah dalam suasana ketenangan mutlak serta menikmati kebahagiaan sejati yang jauh mengatasi segala bentuk nikmat sementara di dunia (Al-Ghazali, 1998, 2010). Kebahagiaan sejati ini tidak bersifat sementara seperti kedudukan atau kekayaan duniawi, tetapi kekal abadi serta memiliki makna yang jauh lebih mendalam (Al-Ghazali, 1998). Justeru, kebahagiaan yang dimaksudkan oleh al-Ghazali bukan sekadar rasa gembira biasa, tetapi lebih menitikberatkan hubungan spiritual yang rapat dan mendalam dengan Allah.

Kaunseling Islam di Sekolah

Walaupun ketiadaan rekod kronologi yang jelas tentang permulaan formal kaunseling Islam di sekolah, Surat Pekeliling Ikhtisas bil.9A/1976 (yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan bagi menekankan keperluan bimbingan agama kepada pelajar Muslim) dianggap sebagai kerangka perundangan awal untuk mengintegrasikan nilai-nilai Islamik dalam sistem pendidikan, termasuk perkhidmatan bimbingan kaunseling. Perkembangan ini turut didorong oleh fenomena sosio-agama pada dekad 1970-an dan 1980-an, di mana kebangkitan kesedaran terhadap peranan Islam dalam kehidupan seharian seiring dengan gerakan Islam global (Camroux, 1996; Barr & Govindasamy, 2010), secara tidak langsung memperkukuh landasan praktikal kaunseling berteraskan agama di institusi pendidikan. Dalam konteks sekolah di Malaysia, kajian menunjukkan amalan kaunseling Islam memberi impak positif terhadap para pelajar (Khalim & Wan Zulkifli, 2009; Halimah & Zainab, 2015). Pendekatan pencegahan dalam kaunseling Islam di sekolah dilaksanakan melalui pelbagai program yang menekankan hubungan dengan Allah, manusia dan persekitaran (Halimah & Zainab, 2015). Para kaunselor juga didapati berusaha menerapkan elemen Islam dalam menangani isu salah laku pelajar (Halimah & Zainab, 2015). Walau bagaimanapun, terdapat cabaran dalam pelaksanaan kaunseling Islam seperti kekurangan manual dan garis panduan komprehensif serta keperluan latihan yang lebih mendalam untuk kaunselor (Norazlina & Amir, 2022). Selain itu, terdapat isu seperti kekurangan kajian mendalam tentang kaunseling Islam dalam konteks sekolah (Roslee et al., 2008) serta keperluan mengintegrasikan pendekatan yang pelbagai termasuk kaunseling Islam dalam amalan kaunseling sekolah (Nik Rosila et al., 2019).

Berdasarkan analisis empirikal, implementasi pendekatan keislaman dalam kaunseling sekolah di Malaysia menunjukkan hasil yang konstruktif terhadap perkembangan holistik pelajar, terutamanya dalam pembentukan akhlak dan pengurusan konflik (Khalim & Wan Zulkifli, 2009; Halimah & Zainab, 2015). Secara operasional, kaunselor sekolah menggunakan kerangka pencegahan berbasis tauhid melalui program-program seperti bimbingan rohani (hablum min Allah), latihan kemahiran sosial (hablum min al-nas), dan pendidikan alam sekitar (hablum min al-'alam), yang dirancang untuk menyepadukan nilai Islam dalam kehidupan harian pelajar (Halimah & Zainab, 2015). Dalam menangani isu disiplin, kaunselor turut mengaplikasikan teknik intervensi berasaskan nilai Islam, seperti muhasabah (introspeksi diri) dan tazkiyah al-nafs (penyucian jiwa), bagi membentuk kesedaran intrinsik pelajar terhadap tanggungjawab moral (Halimah & Zainab, 2015). Namun, pelaksanaannya tidak terlepas daripada halangan sistematik. Antaranya, ketiadaan manual prosedur standard dan garis panduan terperinci untuk adaptasi kontekstual (Norazlina & Amir, 2022), serta keperluan peningkatan kompetensi kaunselor melalui latihan khusus dalam psikologi Islam dan kaedah terapi berteraskan syariah (Roslee et al., 2008). Di samping itu, literatur sedia ada masih terbatas dalam mengeksplorasi dinamika unik kaunseling Islam di persekitaran sekolah, seperti kesan jangka panjang atau kesesuaian teknik tertentu terhadap demografi pelajar yang pelbagai (Nik Rosila et al., 2019).

METODOLOGI

Kajian ini mengaplikasikan reka bentuk kualitatif berasaskan kajian pelbagai kes (multi-site case study) bagi mengeksplorasi secara mendalam aplikasi model kaunseling al-Ghazali dalam konteks praktikal GBK di Malaysia. Berpaksikan paradigma konstruktivisme-interpretivisme (Cresswell, 2014), pendekatan ini dipilih untuk memahami bagaimana GBK membina makna secara subjektif melalui pengalaman, refleksi, dan interaksi dengan model al-Ghazali dalam ekosistem pendidikan yang kompleks. Pemilihan reka bentuk kajian kes pelbagai lokasi, berbanding kajian kes tunggal, membolehkan perbandingan kontekstual antara peserta daripada latar yang berbeza dari segi sosiobudaya dan lokasi geografi. Pendekatan ini juga dapat memperkukuh ketebalan deskripsi fenomena dan meningkatkan kebolehpercayaan dapatan (Yin, 2018).

Data kajian dikutip melalui triangulasi metodologi yang merangkumi temu bual separa berstruktur sebagai kaedah utama. Temu bual dijalankan secara bersemuka dan dalam talian dengan setiap sesi berlangsung selama 60 hingga 90 minit. Semua temu bual dirakam secara digital dengan keizinan peserta dan ditranskrip secara verbatim untuk tujuan analisis. Penggunaan dokumen sokongan pula bertujuan memperkaya naratif temu bual dan memberikan triangulasi data secara dalaman. Seramai 19 orang kaunselor Muslim telah dipilih menggunakan kaedah persampelan bertujuan (purposive sampling) dengan kriteria pemilihan yang ketat, iaitu: (1) berdaftar secara rasmi dengan Lembaga Kaunselor Malaysia, (2) mempunyai pengalaman minimum lima tahun dalam bidang kaunseling sekolah, dan (3) mengamalkan

pendekatan kaunseling berteraskan Islam secara aktif dalam tugas harian. Ketiga-tiga kriteria ini memastikan bahawa peserta memiliki autoriti dan pengalaman yang autentik dalam mengaplikasikan pendekatan kaunseling yang diinspirasikan daripada model al-Ghazali (Merriam & Tisdell, 2016). Sebagai penyelidik kualitatif, penyelidik memainkan peranan sebagai instrumen utama kajian. Justeru, pelaksanaan kajian memerlukan sikap reflektif yang berterusan bagi mengawal bias serta memastikan interpretasi data dijalankan secara jujur dan berlandaskan data sebenar. Sebelum proses pengumpulan data bermula, protokol temu bual telah dibangunkan dan diuji secara rintis untuk memastikan kejelasan soalan serta kesesuaian konteks. Penyertaan peserta adalah secara sukarela dengan persetujuan termaklum yang diperoleh secara bertulis. Dalam usaha mengekalkan integriti penyelidikan, semua prosedur yang berkaitan dengan etika penyelidikan telah dipatuhi dan kajian ini telah mendapat kelulusan daripada Kementerian Pendidikan Malaysia. Segala data yang dikumpul dikendalikan secara sulit dan identiti peserta tidak dinyatakan dalam semua bentuk laporan dan penerbitan.

Proses analisis data dijalankan secara sistematik mengikut model enam fasa analisis tematik yang diubah suai daripada Creswell (2014), merangkumi fasa pengurusan data, pembacaan keseluruhan, pengekodan awal, pembentukan tema, semakan tema, dan penulisan. Dalam fasa pertama, semua transkripsi dan dokumen dikumpul dan diurus secara sistematik menggunakan perisian NVivo 12, yang turut digunakan sepanjang proses pengekodan dan visualisasi jaringan tema. Fasa kedua melibatkan pembacaan berulang terhadap keseluruhan data untuk memperoleh kefahaman holistik tentang konteks naratif. Seterusnya, unit-unit makna dikodkan secara induktif dan dianalisis menggunakan teknik perbandingan berterusan untuk mengenal pasti pola berulang yang membentuk tema awal. Tema-tema ini kemudiannya disemak dan diperkukuh melalui diskusi dengan penyelia serta semakan silang dengan data asal, sebelum ditulis dengan merujuk semula kepada kerangka teori dan literatur terdahulu. Bagi memastikan kesahan dan kebolehpercayaan dapatan, beberapa strategi verifikasi telah digunakan. Pertama, triangulasi data dilakukan melalui perbandingan respons peserta dari pelbagai lokasi dan latar yang berbeza. Kedua, semakan ahli (member checking) dilakukan dengan memberikan ringkasan awal tema kepada peserta untuk disahkan ketepatannya. Ketiga, penyelidik mendokumentasikan semua keputusan analisis dan langkah interpretasi secara sistematik dalam bentuk audit trail yang membolehkan proses penyelidikan dijejaki semula sekiranya diperlukan. Di samping itu, penyelidik sentiasa mengekalkan refleksi sendiri untuk meminimumkan pengaruh subjektiviti, dan pendekatan analisis yang bersifat induktif membolehkan tema dan pola timbul secara organik daripada data sebenar, bukan daripada pra-andaian penyelidik. Keseluruhan proses ini membentuk asas yang kukuh untuk menjustifikasikan interpretasi dan inferens yang dihasilkan daripada dapatan kajian.

DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian menunjukkan empat tema terhasil: (1) sesi dimulakan dengan niat, zikir, dan penetapan matlamat, (2) identifikasi punca masalah melalui aspek ibadah dan hati, (3) rawatan spiritual berasaskan peningkatan ibadah dan refleksi sendiri, serta (4) penilaian kesan terapi melalui perubahan tingkah laku dan komitmen terhadap ibadah.

Sesi Dimulakan Dengan Niat, Zikir dan Penetapan Matlamat

Dapatan kajian menunjukkan kepelbagaian pendekatan digunakan dalam memulakan sesi kaunseling menurut perspektif Islam. Menetapkan niat dan matlamat yang jelas merupakan langkah pertama, di mana niat mestilah ikhlas untuk mencari keredaan Allah (PK02, PK08) dan matlamat perlu merangkumi aspek dunia dan akhirat (PK03) serta dibina secara realistik bersama klien (PK05, PK06, PK13, PK14, PK17, PK19). Seterusnya, sesi dimulakan dengan bacaan zikir dan doa seperti lafaz basmalah (PK01, PK04, PK13, PK16, PK17), Surah Al-Fatihah (PK03, PK05, PK06, PK07, PK09, PK12, PK13, PK14, PK15, PK17) dan doa-doa tertentu (PK04, PK08, PK09, PK14, PK18, PK19). Selain itu, penekanan turut diberikan terhadap adab sebelum dan semasa sesi, termasuk membimbing klien tentang batasan antara lelaki dan perempuan serta tata cara duduk yang baik (PK03, PK04, PK05, PK12). Kaunselor juga perlu menjaga adab dan akhlak sebagai contoh ikutan (PK17, PK19). Kesemua pendekatan ini mencerminkan integrasi nilai-nilai Islam dalam kaunseling. Ia dapat dilihat dalam jawapan yang diberikan oleh peserta kajian.

Identifikasi Punca Masalah Melalui Aspek Ibadah dan Hati

Hasil analisis mendapati bahawa terdapat tiga penyebab utama yang dikenal pasti sebagai faktor asas kepada permasalahan klien. Unsur yang paling dominan ialah kecuai dalam melaksanakan ibadah, khususnya solat. Menurut pandangan para peserta, ketidakconsistenan dalam menunaikan solat atau meninggalkannya sepenuhnya merupakan antara gejala paling jelas yang dikaitkan dengan pelajar bermasalah (PK01, PK03, PK05, PK07, PK08, PK17, PK18). Kegagalan menunaikan tanggungjawab spiritual ini bukan sahaja mencerminkan kelemahan hubungan individu dengan Pencipta, malah turut menjadi penghalang kepada keberkesanan kaunseling meskipun intervensi lain telah dilaksanakan (PK03). Dalam banyak kes, kelalaian terhadap ibadah juga dikaitkan dengan lemahnya keupayaan pelajar dalam mengurus diri (PK04) serta peningkatan kebarangkalian untuk terlibat dengan tingkah laku negatif seperti berbohong (PK08). Lebih daripada itu, pelajar yang mengabaikan solat turut dilaporkan mengalami tekanan emosi seperti gelisah melampau dan rasa takut yang sukar dikawal (PK15).

Faktor kedua pula merujuk kepada permasalahan yang berpunca daripada ketidakseimbangan hati, yang menjadi asas kepada pelbagai isu tingkah laku dan emosi dalam kalangan klien. Antara yang dikenal pasti termasuklah kegagalan mengawal dorongan nafsu (PK01), pemilikan sistem kepercayaan yang bertentangan dengan nilai agama (PK02), serta ketidak tenteraman batin yang menjejaskan keupayaan klien untuk membuat pertimbangan yang waras (PK05, PK06,

PK12). Dapatan turut menunjukkan bahawa kegelapan hati menjadikan klien sukar disentuh oleh nasihat dan bimbingan (PK08), selain mengalami kekeliruan dalam membezakan antara kebaikan dan keburukan (PK03). Tindakan yang dipandu oleh emosi atau kata hati tanpa rasional yang jelas juga sering berlaku (PK07), disebabkan oleh kurangnya kesedaran terhadap akibat perbuatan di akhirat kelak (PK09). Di samping itu, sebahagian klien menunjukkan kecenderungan kepada pemikiran negatif yang akhirnya mencetuskan keresahan dan tekanan emosi (PK14, PK15), bahkan ada yang tidak lagi merasai ketenangan hidup akibat konflik dalaman yang berpanjangan (PK16). Keadaan ini akhirnya membawa kepada 'kesakitan hati' yang mendalam dan menjejaskan keseluruhan kesejahteraan diri klien (PK17, PK19).

Faktor ketiga yang dikenal pasti sebagai penyumbang kepada masalah dalam kalangan klien ialah kurangnya penghayatan agama dalam kehidupan seharian. Para peserta kajian menjelaskan bahawa pelajar yang bermasalah sering kali gagal memahami secara mendalam bahawa segala yang berlaku adalah ketentuan daripada Allah, termasuk ujian hidup yang dihadapi, disebabkan oleh kelemahan dalam menghayati konsep qada' dan qadar (PK04, PK06, PK09). Kelemahan ini menyebabkan mereka mudah merungut, mempertikaikan takdir, dan tidak dapat menerima ujian dengan reda meskipun mereka mempunyai ilmu asas tentang agama (PK06). Dalam kalangan pelajar, aspek ibadah seperti solat, taubat, zikir, dan doa tidak diamalkan secara bersungguh-sungguh, malah ada yang tidak menzahirkan rasa syukur atau tanggungjawab terhadap nikmat yang mereka miliki seperti peluang menuntut ilmu (PK05, PK10, PK14). Sebahagian peserta juga menyatakan bahawa pelajar tidak fokus dalam pembelajaran, malas, atau cuai, dan ini dikaitkan dengan kelemahan mereka dalam menghayati nilai agama serta kefahaman bahawa menuntut ilmu merupakan sebahagian daripada tuntutan agama (PK10).

Di samping itu, penghayatan terhadap nilai-nilai Islam dalam keluarga juga dilihat longgar, menjadikan pelajar membesar dalam persekitaran yang tidak mengukuhkan nilai kerohanian (PK13, PK16). Malah, ada peserta yang meluahkan rasa sedih terhadap tahap penghayatan Islam dalam kalangan pelajar dan menegaskan bahawa tanggungjawab kaunselor Islam ialah membantu mengisi kekosongan tersebut tanpa menyalahkan klien semata-mata (PK11). Dalam konteks sesi kaunseling, peserta juga berkongsi bahawa mereka menggunakan pendekatan dakwah yang bersifat lembut dan mendidik seperti bercerita tentang konsep taubat, kisah-kisah para nabi, serta keampunan Allah untuk membantu pelajar memahami bahawa setiap kesilapan boleh diperbaiki melalui proses kembali kepada agama (PK12). Justeru, para peserta sependapat bahawa kelemahan dalam penghayatan agama bukanlah berpunca daripada tidak tahu, tetapi lebih kepada tidak benar-benar menghayati, lalai atau tidak diberi penekanan yang konsisten dalam kehidupan harian (PK18).

Rawatan Spiritual Berasaskan Peningkatan Ibadah dan Refleksi Kendiri

Pelbagai pendekatan digunakan secara bersepadu merangkumi rawatan hati, pengukuhan ibadah, pembangunan emosi melalui zikir dan doa, serta pembinaan sistem sokongan sekeliling pelajar. Tumpuan utama diberikan kepada aspek rawatan hati yang dilihat sebagai punca kepada pelbagai isu. Keseluruhan peserta kajian menyatakan bahawa fokus utama dalam intervensi kaunseling Islam adalah hati, kerana mereka menganggap hati sebagai pusat yang menentukan tindakan dan kesejahteraan klien. Masalah seperti ketidakmampuan untuk berubah walaupun menyedari kesalahan dikaitkan dengan kelemahan iman dan hati yang tidak kuat (PK02). Hati juga dikenal pasti sebagai punca utama pelbagai isu, dan ketenangan hati dianggap kunci kepada penyelesaian masalah melalui pengukuhan hubungan dengan Allah (PK03, PK04, PK05, PK06). Enam orang peserta (PK07, PK12, PK14, PK15, PK17, PK19) mengaitkan intervensi terhadap isu seperti konflik keluarga, tingkah laku agresif, vandalisme dan pencurian dengan ketidaktenangan hati yang berpunca daripada luka batin yang tersimpan lama. Pendekatan kaunseling Islam yang dilaksanakan oleh peserta ini menekankan penggunaan zikir, solat, tafakur dan bimbingan rohani untuk memulihkan hati, selaras dengan prinsip bahawa penyelesaian masalah bermula dari dalam diri (PK05, PK15, PK17).

Medium rawatan lain yang turut diaplikasikan termasuklah penggunaan Al-Quran melalui bacaan ayat dan kefahaman tafsir. 14 orang peserta kajian menggunakan bacaan al-Quran sebagai satu bentuk terapi yang diyakini mampu memberikan ketenangan jiwa dan kesedaran spiritual kepada klien (PK01, PK03, PK05, PK06, PK08, PK10, PK12, PK14, PK15, PK17, PK19). Bacaan surah pilihan seperti al-Fatihah, Yasin, tiga Qul, al-Mulk dan ayat al-Kursi merupakan antara yang kerap disarankan kepada klien untuk diamalkan, sama ada dalam sesi mahupun di rumah (PK01, PK03, PK10, PK19). Selain bacaan, empat orang peserta turut menerapkan pemahaman terhadap kandungan ayat al-Quran sebagai bentuk biblioterapi, khususnya untuk merasionalkan pemikiran dan membina kesedaran sendiri terhadap ujian hidup dan konsep tanggungjawab (PK04, PK06, PK09, PK12). Seramai dua belas orang peserta menggalakkan klien untuk beramal dengan zikir dan doa sebagai sebahagian daripada intervensi, seperti istighfar, tahmid, tahlil, selawat dan doa-doa pendek daripada al-Quran (PK01, PK02, PK04, PK05, PK08, PK12, PK15, PK16, PK17). Pendekatan ini dilihat sebagai jalan untuk menstabilkan emosi, merawat keresahan, dan menguatkan hubungan klien dengan Allah.

Pemeriksaan ibadah khususnya ibadah solat turut dijadikan sebagai salah satu kaedah rawatan/intervensi yang dinyatakan oleh peserta kajian. Seramai lapan orang peserta kajian menegaskan bahawa solat merupakan aspek ibadah terpenting yang perlu diberi penekanan dalam proses intervensi kaunseling Islam. Hal ini kerana kebanyakan masalah klien didapati berkait rapat dengan kecuai atau kelalaian dalam menunaikan solat, sama ada tidak tahu solat, tidak solat, tidak memahami bacaan, atau meninggalkannya secara sengaja (PK01, PK03, PK04, PK05, PK07, PK09, PK15, PK17). Peserta PK01 menyatakan bahawa soalan berkaitan solat menjadi komponen tetap dalam sesi, kerana solat dianggap sebagai penentu keselamatan dan kestabilan jiwa klien. PK03 pula menjelaskan bahawa sebahagian pelajar tidak solat akibat pengaruh keluarga, lalu beliau melaksanakan pemantauan solat Zuhur klien di sekolah, bermula daripada

pengambilan wuduk sehingga kepada bacaan dan pergerakan solat. Bagi PK04 dan PK05, penjagaan solat lima waktu, termasuk solat taubat, merupakan asas kepada ketenangan hati dan pemulihan spiritual. PK07 menyatakan bahawa hampir semua klien yang terlibat dengan isu disiplin mempunyai solat yang tidak sempurna, dan beliau menetapkan tempoh dua minggu sebagai latihan untuk membina semula komitmen terhadap solat. PK09 turut menjadikan solat sebagai langkah awal dalam pelan tindakan kaunseling, manakala PK15 dan PK17 menegaskan kepentingan solat dalam membina kekuatan dalaman, khususnya bagi klien yang mengalami gangguan emosi seperti kebimbangan. Dapatan ini membuktikan bahawa solat bukan sekadar kewajipan agama, tetapi dilihat oleh peserta sebagai kaedah terapi yang memberi kesan langsung kepada kestabilan emosi dan pembentukan tingkah laku positif.

Peserta kajian turut menekankan kepentingan mewujudkan sistem sokongan sebagai sebahagian daripada strategi intervensi dalam kaunseling Islam. Sistem ini dilihat penting untuk memastikan perubahan positif yang berlaku kepada pelajar dapat diperkukuh melalui penglibatan pelbagai pihak, khususnya ibu bapa, guru, dan komuniti sekolah. Lima orang peserta kajian melibatkan ibu bapa secara langsung dalam proses rawatan, sama ada melalui panggilan telefon, sesi bersama, atau dengan meminta mereka memantau dan mencatat perkembangan amalan anak seperti solat (PK08, PK13, PK14, PK16, PK18). Pendekatan ini bukan sahaja bertujuan memperkukuh disiplin pelajar, tetapi turut membantu membentuk kefahaman agama yang lebih kukuh dalam persekitaran rumah. Selain itu, peserta kajian seperti PK06 dan PK11 menekankan keperluan untuk mewujudkan sokongan emosi melalui kehadiran guru yang prihatin dan konsisten dalam memberi perhatian kepada pelajar, termasuk bertanya khabar dan menyapa mereka secara langsung.

Dalam konteks sekolah, lima orang peserta kajian melibatkan guru-guru lain seperti guru disiplin, guru asrama dan pembimbing rakan sebaya sebagai sebahagian daripada jaringan pemantauan terhadap tingkah laku dan perkembangan pelajar (PK03, PK04, PK10, PK14, PK18). Dalam kes tertentu, seperti yang dinyatakan oleh PK04 dan PK18, peserta kajian turut mengakui batas keupayaan mereka sebagai kaunselor dan memilih untuk merujuk pelajar kepada ustaz atau ustazah apabila berkaitan isu khusus seperti pembetulan bacaan al-Quran atau penghayatan solat. Tindakan merujuk ini bukanlah suatu kelemahan, sebaliknya mencerminkan keprihatinan profesional terhadap kesejahteraan pelajar melalui rujukan kepada pihak yang lebih berautoriti dalam bidang tertentu. Dapatan ini menunjukkan bahawa proses kaunseling tidak berlaku dalam ruang terasing, sebaliknya bergantung kepada kekuatan rangkaian sokongan yang holistik dan kolaboratif antara keluarga, sekolah dan komuniti untuk membina daya tahan rohani, emosi dan sosial dalam diri pelajar.

Penilaian Kesan Terapi Melalui Perubahan Tingkah Laku dan Komitmen Terhadap Ibadah

Penilaian dalam kaunseling Islam merangkumi tiga dimensi utama iaitu peningkatan komitmen terhadap ibadah, pengurusan kehidupan berasaskan agama, dan pembangunan karakter berasaskan nilai yang baik. Dalam aspek komitmen terhadap ibadah, seramai tujuh orang peserta kajian menilai kesan intervensi melalui pemerhatian terhadap perubahan amalan seperti solat, bacaan al-Quran dan ibadah lain (PK01, PK05, PK06, PK07, PK08, PK13, PK17). Penilaian ini dilakukan secara berterusan menerusi sesi susulan, peringatan dalam pertemuan tidak rasmi, atau penetapan pelan tindakan seperti pelajar perlu melengkapkan solat lima waktu dalam tempoh tertentu. Sebagai contoh, PK01 dan PK05 menilai berdasarkan sejauh mana klien menunjukkan peningkatan terhadap amalan asas seperti solat dan bacaan al-Quran, manakala PK07 menekankan pelajar perlu menyempurnakan solat Asar dan Isyak (dua waktu yang sering ditinggalkan). PK08 pula menilai keberkesanan sesi dengan cara menyemak maklum balas pelajar dalam sesi susulan berkaitan solat yang telah dilaksanakan, dan PK17 memantau secara umum komitmen pelajar terhadap ibadah sebagai petunjuk kepada kestabilan spiritual mereka.

Bagi aspek pengurusan kehidupan berasaskan agama, seramai tujuh orang peserta kajian mengaitkan penilaian intervensi dengan perubahan cara hidup pelajar mengikut acuan nilai Islam (PK02, PK03, PK04, PK09, PK10, PK11, PK15). Dalam sesi susulan, peserta kajian menilai dari sudut keupayaan pelajar mempraktikkan nasihat dan nilai yang dikongsi, seperti rasa tanggungjawab terhadap masa, penghargaan terhadap peluang belajar, serta kemampuan membuat keputusan berdasarkan prinsip Islam. PK02, PK03 dan PK15 menilai perubahan ini melalui sesi reflektif, sementara PK04 dan PK11 lebih menekankan kesan jangka panjang dengan harapan bahawa bimbingan kecil yang diterapkan dapat meninggalkan kesan mendalam. Dalam konteks pendidikan, PK10 menilai berdasarkan sikap pelajar terhadap kewajipan menuntut ilmu, manakala PK09 pula menilai keberkesanan sesi dengan melihat sama ada pelajar mampu menjalani kehidupan yang lebih tenang, positif dan seimbang.


Seterusnya, dalam dimensi pembangunan karakter berasaskan nilai yang baik, seramai sembilan orang peserta kajian menilai perubahan daripada aspek akhlak dan tingkah laku pelajar (PK01, PK04, PK06, PK10, PK12, PK14, PK16, PK17, PK18). Penilaian dilakukan melalui maklum balas daripada guru, rakan sebaya, rekod disiplin, kehadiran ke sekolah, dan pemerhatian langsung terhadap perubahan sikap pelajar. Sebagai contoh, PK14 menyatakan bahawa kehadiran ke sekolah menjadi indikator penting, manakala PK06 dan PK12 memantau isu disiplin atau kecenderungan mencederakan diri sebagai tanda sama ada pelajar telah membentuk kawalan sendiri yang lebih baik. PK04 dan PK10 menekankan bahawa penilaian bukan sahaja terhadap tingkah laku semasa, tetapi juga terhadap kesinambungan perubahan akhlak daripada masa ke masa. PK17 dan PK18 pula menilai keberhasilan sesi melalui kemampuan pelajar membentuk hubungan sosial dan keluarga yang lebih harmoni, serta menunjukkan sikap hormat dan sopan dalam interaksi harian. Kesemua dapatan ini mencerminkan bahawa penilaian dalam kaunseling Islam bukan sekadar bersifat luaran atau kuantitatif, tetapi berasaskan pemerhatian terhadap perubahan dalaman yang mencerminkan transformasi spiritual dan moral.

PERBINCANGAN

Kajian ini membuktikan model kaunseling Al-Ghazali boleh diaplikasikan secara berkesan sebagai satu teori tunggal dalam konteks sekolah. Pendekatan inovatif yang diperkenalkan adalah dengan menstrukturkan proses terapi secara jelas menggunakan elemen-elemen spiritual seperti ma'rifah al-nafs, takhalli, tahalli, muhasabah, dan al-sa'adah. Kekuatan pendekatan ini terletak pada kemampuannya mencabar teori kaunseling Barat yang dominan, sekali gus memperkayakan teori kaunseling melalui perspektif Islam.

Pengaplikasian model kaunseling Islam secara tunggal dalam kajian ini berbeza dengan dapatan kajian sebelumnya yang mendapati majoriti kaunselor Muslim mengamalkan kaunseling secara integrasi atau modifikasi seperti kajian Mazidah et al. (2015), Norazlina dan Noor Shakirah (2016), Noraimi Aainaa (2018), Norazlina & Amir (2022, Amnah et al. (2023), dan Hamizi dan Suhaya (2023). Namun, terdapat beberapa isu kritikal yang perlu diberi perhatian. Cabaran utama ialah kebergantungan model ini terhadap tahap kompetensi kaunselor. Jika kaunselor kurang kompeten, keberkesanan intervensi ini mungkin terjejas. Oleh itu, latihan intensif perlu diberikan kepada kaunselor bagi memastikan mereka mampu mengaplikasikan model ini secara kompeten dalam sesi kaunseling. Selain itu, penyesuaian pendekatan ini kepada tahap penghayatan agama klien yang berbeza-beza juga ialah suatu cabaran yang besar. Kaunselor perlu bijak menyesuaikan kaedah tanpa mengabaikan prinsip asas model Al-Ghazali. Cabaran ini membuka ruang untuk kajian lanjutan, khususnya dalam mengukur sejauh mana fleksibiliti pendekatan ini boleh dilaksanakan tanpa mengorbankan tujuan asal penyucian jiwa.

Dapatan kajian ini telah menghasilkan sebuah kerangka proses kaunseling Islam yang unik berasaskan model al-Ghazali, khusus untuk diaplikasikan dalam konteks sekolah. Kerangka ini sejajar dengan model yang dicadangkan oleh Salasiah (2018), Yatimah (2005), dan Md Noor (2012), namun model ini khusus terhadap keperluan persekitaran pendidikan di sekolah.



Rajah 2. Langkah pengaplikasian model kaunseling al-Ghazali dalam konteks sekolah. Adaptasi modul pendekatan spiritual dalam kaunseling al-Ghazali oleh Salasiah (2018)

Proses kaunseling ini bermula dengan pembinaan hubungan mesra dengan klien. Kaunselor perlu mewujudkan suasana yang selesa dan harmoni supaya klien bebas berkongsi dan meluahkan segala masalah tanpa rasa bimbang atau malu. Seterusnya, klien dibantu untuk mengenali dirinya secara lebih mendalam dan mengenal pasti punca sebenar masalah yang dihadapi melalui proses introspeksi yang berpandukan ajaran Islam. Dalam fasa berikutnya, kaedah mujahadah atau takhalli diaplikasikan dengan tujuan menghapuskan sifat negatif dan tercela dalam diri klien seperti sifat ego, marah, sombong, atau hasad dengki. Pendekatan ini memerlukan usaha gigih klien dalam melawan hawa nafsu dan melakukan perubahan sikap secara berperingkat. Selepas itu, proses kaunseling diteruskan dengan aplikasi kaedah khusus mujahadah atau takhalli yang lebih terperinci berdasarkan keperluan khusus masalah klien, seperti amalan berzikir, solat malam atau puasa sunat untuk mempercepatkan perubahan diri yang positif. Kemudian, dalam peringkat seterusnya, kaedah umum riyadah atau tahalli diaplikasikan bagi menghiasi diri klien dengan sifat-sifat mulia seperti sabar, tawakal, syukur dan reda melalui latihan ibadah dan disiplin spiritual secara konsisten. Akhir sekali, klien dibantu melakukan penilaian atau muhasabah sendiri untuk mengukur keberkesanan usaha yang telah dijalankan sepanjang sesi kaunseling, supaya ia dapat berterusan ke arah kebahagiaan hidup yang hakiki menurut perspektif Islam. Keseluruhan proses ini bersifat kitaran dan berulang mengikut keperluan perkembangan klien sehingga perubahan positif yang stabil tercapai dalam kehidupan mereka.

KESIMPULAN

Kajian ini berjaya mengaplikasikan model tazkiyah al-nafs al-Ghazali dalam amalan kaunseling formal di sekolah. Dengan menggabungkan nilai spiritual Islam (tazkiyatun nafs) dengan pendekatan kesihatan mental yang responsif

budaya, menjadikan model ini mempunyai kekuatan tersendiri untuk diaplikasikan. Namun, meskipun model ini menawarkan solusi menyeluruh terhadap kekosongan kerohanian dalam pendidikan moden, kebergantungannya pada kompetensi kaunselor untuk menyesuaikan intervensi mengikut tahap penghayatan agama pelajar menjadi cabaran utama. Justeru, kajian lanjutan dicadangkan tertumpu pada impak model kaunseling ini kepada pelajar di sekolah. Ini bagi memastikan aplikasi model ini selari dengan prinsip asas penyucian jiwa (tazkiyatun nafs) tanpa mengabaikan kepelbagaian latar belakang pelajar. Penyelidikan empirikal diperlukan untuk menguji keberkesanan modul ini dalam konteks sekolah pluralistik, sekali gus menyokong integrasinya ke dalam sistem pendidikan formal sebagai alternatif praktikal.

PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan disampaikan kepada Universiti Pendidikan Sultan Idris dan semua pihak yang terlibat dalam pelaksanaan kajian dan penerbitan penulisan ini.

KONFLIK KECENDERUNGAN

Tidak terdapat sebarang konflik kecenderungan dilaporkan.

PERNYATAAN ETIKA

Kajian ini mendapat kebenaran Kementerian Pendidikan Malaysia untuk dijalankan di sekolah mengikut ketetapan yang ditentukan.

SUMBANGAN PENGARANG

Mohd Khir Johari merupakan penulis dan pengkaji utama, Md Noor menilai serta menyumbang idea dalam penulisan artikel dan Nurul Ain memastikan kajian mengikut metodologi yang ditetapkan dan pengumpulan data dan analisis data mengikut kerangka kajian kualitatif yang tepat.

DANA

Tidak terdapat sebarang dana diterima untuk pelaksanaan kajian.

PERNYATAAN KETERSEDIAAN DATA

Data dalam artikel ini tidak sulit dan sedia untuk dikongsi sekiranya perlu.

RUJUKAN

- Al-Ghazali, M. (1988). Ma'arij Al-Quds fi Madarij Ma'rifah An-Nafs. Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Ghazali, M. (1998). Ihya' Ulum al-din. Dar al-Hadith.
- Al-Ghazali, M. (2006). Minhaj al-'Abidin ila Jannat Rabb al-'Alamin. Dar al-Minhaj.
- Al-Ghazali, M. (2008a). Bidayah al-Hidayah. In Majmu'ah Rasail al-Imam al-Ghazali. Dar al-Fikr.
- Al-Ghazali, M. (2008b). Mikraj al-Salikin. In Majmu'ah Rasail al-Imam al-Ghazali. Dar al-Fikr.
- Al-Ghazali, M. (2008c). Misykat al-Anwar. In Majmu'ah Rasail al-Imam al-Ghazali. Dar al-Fikr.
- Al-Ghazali, M. (2010). Kimia al-Saadah. Dar al-Muqattam.
- Al-Ghazali, M. (2014). Ayyuha al-Walad. Dar al-Minhaj.
- Amnah, M., Mohd Suhadi, M. S., & Amir, A. (2023). Kesan intervensi kaunseling integrasi terapi realiti dan Tazkiyah Al Nafs (Tr-Tan) dalam penyelidikan menggunakan reka bentuk *single subject research*. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*, 16(Special Issue), 63–72.
- Barr, M. D., & Govindasamy, A. R. (2010). The islamisation of Malaysia: Religious nationalism in the service of ethnonationalism. *Australian Journal of International Affairs*, 64(3), 293–311.
- Baru, R., Ahmad, W. A. A. W., Othman, M. S., & Omar, S. H. S. (2014). The Spiritual Competence Aspect in Counselling Service. *International Journal of Management Sciences*, 2(10), 469–478.
- Camroux, D. (1996). State Responses to Islamic Resurgence in Malaysia: Accommodation, Co-Option, and Confrontation. *Asian Survey*, 36(9), 852–868.
- Cresswell, J. W. (2014). *Research Design: Qualitative, Quantitative and Mixed Methods Approaches*. Sage Publications, Inc.
- Halimah, A. H., & Zainab, I. (2015). Pendekatan pencegahan kaunselor muslim dalam menangani salah laku pelajar sekolah menengah di Daerah Klang, Selangor. *International Journal of Islamic Thought*, 8, 17–26.

- Hamizi, A. H., & Suhaya, D. (2023). Kaunseling Islam: Integrasi dan asimilasi perspektif Al-Ghazali sebagai pendekatan kaunseling spiritual untuk pelbagai agama. *International Seminar on Da'wah IV (ISOD IV) 2023*, 4(ISOD IV), 85–93.
- Khalim, Z., & Wan Zulkifli, W. H. (2009). Pendekatan Islam dalam menangani masalah disiplin tegar dalam kalangan pelajar sekolah: satu kajian kes. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 1(2), 1-14.
- Mariani, O., & Norhanizah Wati, N. (2020). Pendekatan kaunseling Islam untuk menangani masalah sosial di kalangan remaja Sekolah Menengah Agama. *Al-Takamul Al-Ma'arif*, 3(1), 13–41.
- Mazidah, M. D., Raja Zirwatul Aida, R. I., & Azlina, A. B. (2015). Integrasi agama dalam amalan kaunseling di Malaysia. In *Proceedings of ICIC2015–International Conference on Empowering Islamic Civilization in the 21st Century*, 600-612.
- Md Noor, S. (2012). Pembinaan modul bimbingan 'Tazkiyah An-Nafs' dan kesannya ke atas religiositi dan resiliensi remaja. Doctoral dissertation, Universiti Utara Malaysia.
- Md Noor, S. (2018). Kaunseling Islam di Malaysia. In *International Conference on Islamic Guidance and Counseling*, 1, (1), 1-9.
- Md Noor, S., Nurul Ain, M. D., & Norazani, A. (2016). Kesahan dan kebolehppercayaan modul I-Sc (Islamic Spiritual Counseling) ke atas pelajar bermasalah tingkah laku. *International Journal of Islamic Thought*, 9, 32.
- Merriam, S. B., & Tisdell, E. J. (2016). Qualitative research: A guide to design and implementation (4th ed.). John Wiley & Sons Inc.
- Mohd Azhar, A. R., Shafie, M., & Syed Ahmad Ruslan, S. A. A. (2021). Amalan kaunseling Islam dalam kalangan kaunselor Muslim. *Muaddib*, 15(1), 7–17.
- Mohd Zaharen, M. Z., Md Noor, S., & Mohammad Nasir, B. (2019). Kesahan dan kebolehppercayaan Modul Kelompok Bimbingan Integrasi REBT-Tazkiyah An-Nafs. *Journal of Research, Policy & Practice of Teachers & Teacher Education*, 9(1), 58–69.
- Nik Rosila, N. Y., Nor Shafrin, A., & Rashidah, M. H. (2019). The need analysis of islamic counseling approach in solving students' problem. *4th ASEAN Conference on Psychology, Counselling, and Humanities*, 406–409.
- Omar, N. A. (2018). *Meneroka amalan kaunseling perspektif Islam dalam kalangan kaunselor*. Doctoral dissertation, Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Noraniza, M. N., Syed Mohamad, S. A., & Siti Nur Hadis, A. R. (2019). Islamic counseling approach by Abdullah Nasih Ulwan for preventing aggressive behaviour among school students. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanitie*, 4(7), 1–10.
- Norazlina, Z., & Amir, A. (2022). Kaunseling Perspektif Islam: Cabaran Kaunselor Dan Perspektif Klien Masa Kini. *Journal Contemporary of Islamic Counselling Perspective*, 1(1), 18–28.
- Norazlina, Z., & Noor Shakirah, M. A. (2016). Theories and modules applied in Islamic counseling practices in Malaysia. *Journal of Religion and Health*, 56(2), 507–520.
- Roslee, A., Mohamed Sharif, M., & Sulaiman Shakib, M. N. (2008). Pendekatan kaunseling daripada perspektif Islam. In Kertas kerja International Conference on the Education of Learner Diversity (ICELD08). Anjuran Pusat Pendidikan Kepelbagaian Pelajar, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Hotel Marriot, Putrajaya, 26-27.
- Ruslan, H., Farid, M. Z., Kaseh, A. B., & Azmul Fahimi, K. (2020). Sumbangan guru Pendidikan Islam dalam amalan bimbingan dan kaunseling terhadap pelajar dan rakan guru di sekolah. *Al-Hikmah*, 12(2), 19–34.
- Salasiah, H. H. (2015). *Pendekatan kaunseling spiritual menurut al-Ghazali*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Salasiah, H. H., Siti Nazratul Ain, M. A., Zainab, I., Rasit, R. M., Khairul Anwar, M., & Zaizul, A. R. (2020). Islamic spiritual approach in developing a positive mindset. *International Journal of Innovation, Creativity and Change*, 10(10), 644–665.
- Yatimah, S. (2005). Pendekatan kaunseling Islam: Satu analisis kualitatif model kaunseling berasaskan sifat-sifat manusia oleh Imam Al-Ghazali. Doctoral dissertation, Universiti Teknologi Malaysia.
- Yatimah, S., & Mohd Tajudin, M. (2010). *Teori Kaunseling Al-Ghazali (2nd ed.)*. PTS Islamika Sdn Bhd.
- Yin, R. K. (2018). Case study research and applications: Design and methods. *Journal of Hospitality & Tourism Research*, (6th ed.). Sage Publications Ltd.
- Zuraimy, A., Noraini, I., & Khader, A. (2023). A study of Imam Al-Ghazali's approach in strengthening spirituality, psychology and mental health of Muslims. *Journal for Re Attach Therapy and Developmental Diversities*, 6(2008), 409–421.